

# Hasutan pembangkang rugikan rakyat: PM

Oleh ISHAK DALIB dan  
AFANDI ISMAIL

**JOHOR BAHRU:** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata parti pembangkang hanya melihat dari segi politik apabila menghasut rakyat untuk membantah projek pembangunan yang dirancang.

Menurutnya, mereka tidak rugi apa-apa jika projek berkenaan tergendala kerana mereka tidak menanggung kenaikan kos akibat kelewatan projek, sebaliknya rakyatlah yang terpaksa membayar lebih untuk kos tambahan itu.

"Pembangkang tidak akan hilang apa-apa. Kalau dia lewatkan projek bukan dia yang akan bayar kos tambahan kerana orang lain yang bayar. Jadi dia pergi mana-mana saja hasut orang suruh bantah dan kelewatan ini menyebabkan kos tambahan.

"Disebabkan kelewatan itu, rakyat yang mesti bayar bukannya kerajaan kerana kita tidak ada duit. Ini duit rakyat dan kalau kita bayar pampasan ini, projek-projek lain tidak akan mendapat peruntukan yang cukup," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan mesyuarat dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri di sini, semalam. Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha mendapatkan pem-

babitan rakyat dalam sesuatu projek pembangunan.

"Kita cuba menjelaskan kedudukan ini, tetapi kita tidak dapat mengelakkan parti lawan dan orang tertentu yang sengaja menghasut rakyat supaya mereka membantah," katanya.

Mengenai calon, Dr Mahathir berkata pucuk pimpinan BN mempunyai banyak bayangan mengenai calon untuk Pilihan Raya Umum akan datang, tetapi belum membuat penentuan.

Katanya, ada calon yang dipilih kerana dia popular dan ada juga calon yang dipilih kerana dia berkebolehan.

"Jadi calon kita ini bukanlah perlu memenuhi semua kriteria. Kalau dia berguna kepada parti dan kerajaan, kita akan memberi keutamaan. Kita mahu barisan yang seimbang.

"Semua orang berpendapat dia harus dicalonkan. Yang belum biasa, dia kata tidak pernah, yang sudah biasa kata dia harus dikekalkan," katanya.

Ketika menjawab soalan, beliau yang juga Presiden Umno berkata pemimpin tidak mengharapkan apa-apa ganjaran daripada kejayaan pembangunan melainkan meminta rakyat terus menyokong BN.

Mengenai lawatannya ke Johor, Dr Mahathir berkata beliau mendapati jentera parti di negeri ini sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya.

Menurutnya, anggota parti itu juga faham mengenai isu-isu yang ada serta isu-isu yang mungkin ditimbulkan oleh parti-parti lawan.